

Ibrah

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Tradisi penulisan mushaf al-Quran berkembang sangat pesat sejajar keagungan kitab suci yang menjadi pedoman umat Islam sehingga ke hari ini.

Penyebaran Islam ke seluruh pelosok dunia juga menjadikan usaha penulisan al-Quran yang sebenarnya sudahpun bermula sejak penurunan wahyu oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW menjadi warisan zaman berzaman dalam tradisi Islam.

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, penulisan mushaf al-Quran diteruskan oleh kepimpinan Khulafa al-Rasyidin khususnya Sayidina Abu Bakar dan Uthman RA sehingga kepada era kebangkitan empayar Islam.

Pada era lampau, sultan dan pemerintah menjadi peneraju bagi tradisi ini antaranya ketika empayar Islam seperti Mamluk dan Turki Uthmaniyyah.

Malah, usaha bagi penulisan mushaf al-Quran ini turut sampai di Asia Tenggara awal abad ke-18.

Ketua Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Ros Mahwati Ahmad Zakaria, berkata pada awal dakwah Islam, hanya al-Quran yang dibenarkan oleh Rasulullah SAW untuk ditulis.

"Ketika itu, bahan lain tidak dibenarkan untuk ditulis secara fizikal untuk mengelaknya daripada bercampur dengan ayat al-Quran.

"Disebabkan itu, keperluan untuk penjilidan manuskrip Islam bermula agak lewat daripada sejarah penulisan Islam itu sendiri.

"Usaha penjilidan mula timbul seiring usaha menghimpunkan teks al-Quran ketika zaman pemerintahan Sayidina Abu Bakar pada 632 hingga 634 Masihi dan Sayidina Uthman RA (644 hingga 656 Masihi)," katanya dalam Wacana Antarabangsa Manuskrip al-Quran Emas: Warisan Kesultanan Terengganu



Mushaf al-Quran Terengganu lebih halus, mewah

Negeri itu menjadi pusat penulisan manuskrip terkenal, menghasilkan salinan yang turut dikatakan sama dengan naskhah dari India, Turki



Walaupun mushaf al-Quran Terengganu dikaitkan mempunyai persamaan dengan naskhah di India dan Turki, berdasarkan penyelidikan, susunannya lebih halus dengan pembuatan yang mewah pada perada emas menghiasi jilidnya.

Dr Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Ketua Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM

di Kuala Terengganu. Wacana itu dianjurkan Pusat Islam Sultan Mahmud, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Ros Mahwati berkata, teks al-Quran pada ketika itu dilihat perlu dikumpul dalam bentuk naskhah bagi mengelakkan ia tercalar atau hilang.

"Pada waktu itu, penjilidan diperlukan apabila semua teks al-Quran dikumpulkan bagi melindungi setiap helaian.

"Justeru, seni penjilidan manuskrip Islam ini kemudian dikenali dalam kebanyakan penyelidikan atau pengumpul manuskrip Islam di Barat sebagai *Arabic* atau *Islamic bookbinding*," katanya.

Menurutnya, ramai tokoh penjilid dalam sejarah Islam yang dilahirkan dan mereka dikenali sebagai mujallid atau warraq.

"Kumpulan penjilid atau mujallid ini juga boleh jadi orang yang menulis atau penyalin.

"Selepas menyalin helaian manuskrip itu, mereka juga mengumpul bahan berkenaan untuk dijilid dan diberikan kepada orang yang memerlukan," katanya.

Antara mujallid tersohor pada zaman kebangkitan Islam, termasuk Ibnu Abi Harisah dan Abu Isa Ibnu Shiran pada abad ke-9; Qadi Hanifa al-Nuq'man (abad ke-10) dan Ibnu Khalaf serta Muqaddasi (abad ke-11).

"Misalnya, Abu Isa Ibnu



Kulit naskhah al-Quran Emas Terengganu. (Fotografi ATMA/UKM)

Shiran ialah penjilid pada zaman Abbasiyyah sewaktu kewujudan perpustakaan yang diasaskan Khalifah al-Makmun pada abad ke-9.

"Sementara itu, Qadi Hanifa al-Nuq'man ialah penjilid abad ke-10, iaitu penjilid zaman kerajaan Fatimiyyah.

"Muqaddasi pula ialah seorang pengembara, tetapi sangat

berbangga kerana mempunyai kemahiran untuk menjilid," katanya.

Mengulas lanjut, Ros Mahwati berkata, alam Melayu turut mewarisi usaha penulisan al-Quran sejak abad ke-18 Masihi lagi.

Katanya, era Kesultanan Terengganu antara zaman yang menyerlah dan sangat bertanggungjawab dalam menaungi aktiviti penulisan manuskrip khususnya berkenaan al-Quran.

"Beberapa Sultan Terengganu menghasilkan mushaf al-Quran yang tersendiri di bawah zaman pemerintahannya.

"Terengganu juga mempunyai satu pusat penulisan manuskrip yang dikenali ramai, iaitu Pulau Penyengat.

"Ia juga satu pusat dagangan dengan pedagang dari Asia Barat dan India datang ke Pantai Timur itu selepas kejatuhan kerajaan Melaka," katanya.

Beliau berkata, ada dalam kalangan pedagang ini berkemahiran untuk menghasilkan mushaf al-Quran.

"Mereka datang dan menetap di Terengganu, sekali gus menjadikan seni itu diwarisi oleh penduduk setempat.

"Walaupun mushaf al-Quran Terengganu dikaitkan mempunyai persamaan dengan naskhah di India dan Turki, berdasarkan penyelidikan, susunannya lebih halus dengan pembuatan yang mewah pada perada emas menghiasi jilidnya," katanya.